

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT LANCAR HAB KITAREcycle

SEREMBAN, 23 DISEMBER 2022 – SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) telah melancarkan Hab KITAREcycle yang merangkumi tiga komponen utama iaitu **Pusat Pandu Lalu KITAREcycle, Pusat Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran awam (CEPA)** dan **Kenderaan Bergerak KITAREcycle**, hari ini.

Fasiliti Hab KITAREcycle SWM Environment ini merupakan yang pertama seumpamanya di Negeri Sembilan yang dilaksanakan melalui kerjasama strategik bersama-sama Majlis Bandaraya Seremban (MBS) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) bagi memperkukuh dan mengembangkan pelan induk Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) bagi memudahkan masyarakat menimba pengetahuan, memupuk kesedaran dan meningkatkan penglibatan mereka dalam menguruskan sisa pepejal secara mampan di Negeri Sembilan.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam bin Haji Mohd Nordin berkata Hab KITAREcycle tersebut disediakan bagi memperkasa dan meningkatkan amalan gaya hidup lestari masyarakat dengan penyediaan bahan informasi dan bacaan berteraskan amalan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca (SAS), 3R (Reduce, Reuse, Recycle) dalam bersama-sama membantu usaha kerajaan mengawal jumlah pelupusan sisa pepejal di tapak-tapak pelupusan, sekali gus menyelamatkan bahan yang boleh dikitar semula daripada dilupuskan.

“Ketiga-tiga kemudahan tersebut bukan sahaja dapat memberi nilai tambah dalam melestarikan pengurusan sisa melalui amalan kitar semula, malah ia dilihat mampu menjadi salah satu aspek perangsang kepada ekonomi kitaran dan melanjutkan jangka hayat tapak pelupusan serta mengurangkan kos operasi di tapak pelupusan khususnya di Negeri Sembilan dalam jangka masa panjang.” katanya lagi.

Pusat Pandu Lalu KITARecycle

Jelasnya, pemilihan lokasi bagi Pusat Pandu Lalu KITARecycle di kawasan tempat letak kereta MBS amat bersesuaian dengan keluasan tapak dan mudah untuk di akses oleh komuniti setempat yang ingin menghantar barangan kitar semula. Orang ramai termasuk pengguna yang berdaftar dengan aplikasi Kitarecycle boleh menghantar barang kitar semula yang telah ditampal kod QR KITARecycle masing-masing dan memasukkan bungkusan barangan kitar semula tersebut secara pandu-lalu (Drop & Go) ke dalam ruang atau slot mengikut kategori barangan kitar semula yang ditetapkan pada setiap hari bermula 8.00 pagi sehingga 6.00 petang.

SWM Environment turut menyediakan kaunter khas yang beroperasi dua (2) kali seminggu iaitu pada setiap hari Isnin dan Sabtu bermula pada jam 9:00 pagi sehingga 12:00 tengah hari. Kaunter ini disediakan bagi membolehkan orang ramai untuk mendaftar, mencetak kod QR secara percuma, menyemak mata ganjaran, menebus mata ganjaran, menghantar bahan kitar semula di samping untuk mendapat maklumat berkaitan program KITARecycle.

“Dengan kemudahan ini, kita yakin dapat meningkatkan kadar kitar semula di Negeri Sembilan bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk mencapai sebanyak 40% menjelang 2025. Setakat November 2022, SWM Environment Negeri Sembilan telah berjaya mengumpulkan hampir 250 ribu kilogram bahan kitar semula melalui program KITARecycle dan jumlah ini dijangka akan dapat ditingkatkan selepas Pusat Pandu Lalu KITARecycle ini beroperasi sepenuhnya”.
Tambahnya lagi.

Pusat Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA)

Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kitar semula dan pengurusan sisa pepejal mampan, SWM Environment telah bekerjasama dengan PPANS bagi membangunkan Pusat Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran awam (CEPA) yang dilengkapi dengan maklumat dan informasi lengkap berkaitan alam sekitar, kitar semula serta pameran reka cipta dari bahan kitar semula yang berada di dalam Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

SWM Environment telah merangka pelbagai program kesedaran dan penerangan berkenaan KITARecycle, kitar semula dan pameran reka cipta dari bahan kitar semula di lokasi ini pada setiap hari Selasa hingga Ahad bermula jam 9.00 pagi ke 5.00 petang.

Kenderaan Bergerak KITAREcycle

Bagi memastikan aktiviti promosi kitar semula dapat mendekati segenap lapisan masyarakat, pihak syarikat turut menyediakan kenderaan bergerak KITAREcycle bagi menyebarkan maklumat dan aktiviti kitar semula terutamanya kepada kumpulan sasaran seperti institusi pendidikan, agensi kerajaan dan swasta.

“Kenderaan Bergerak KITAREcycle merupakan alternatif yang disediakan pihak syarikat untuk memudahkan orang ramai menghantar barangan kitar semula tanpa perlu mencari pusat kitar semula dan usaha proaktif ini bukan sahaja dapat penerapan budaya kitar semula secara tersusun, mudah diakses dan mesra pengguna malah dapat meningkatkan aktiviti 3R (guna semula, kurangkan, kitar semula)”, kata Norlisam.

Pada majlis yang sama, SWM Environment turut mengadakan Perjanjian Memorandum Persefahaman bersama MBS dan PPANS sebagai tanda kesepakatan yang berterusan dalam usahasama strategik mempromosi program KITAREcycle kepada segenap lapisan masyarakat di dalam kawasan pentadbiran MBS.

-TAMAT-



MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

SWM ENVIRONMENT HQ:

NORSIDA TASLIM

Pengurus Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd.

Tel : 019 – 255 0908

E-mel : norsida.taslim@swmsb.com

SWM ENVIRONMENT NEGERI SEMBILAN:

Nurul Liza Binti Mohd Najib

Penolong Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Negeri Sembilan)

Tel : 06 – 6014280/ 012 – 684 7168

E-mel : nurulliza.najib@swmsb.com